

**Kerajaan perkenal Skim Insurans Keluarga Malaysia [METROTV]**

M Hifzuddin Ihsan  
[hifzuddin@bh.com.my](mailto:hifzuddin@bh.com.my)



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap pada Majlis Perasmian Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar. FOTO Luqman Hakim Zubir

Kangar: Kerajaan memperkenalkan Skim Insurans Keluarga Malaysia bagi memberi perlindungan sosial kepada golongan miskin dan miskin tegar di negara ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, di bawah skim itu, Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dalam sistem e-Kasih akan diberi perlindungan insurans dengan premium sebanyak RM50 setahun.

Jelasnya, program ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 268,000 keluarga miskin membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM13.4 juta.

"Sekiranya KIR meninggal dunia disebabkan kematian biasa, keluarga akan mendapat manfaat RM10,000, kekal RM10,000 sementara yang meninggal dunia akibat kemalangan RM20,000.

"Pada masa sama, PRU-Takaful BSN melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu turut memberi perlindungan insurans RM30,000 secara percuma bagi KIR yang berdaftar menerusi e-Kasih sejak 2018," katanya ketika berucap merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Sementara itu, Ismail turut menyifatkan peralihan negara kepada fasa Endemik bermula 1 April ini, bakal memudahkan orang ramai beribadah dan berpuasa sepanjang Ramadan ini.

Katanya, ini akan membolehkan rakyat mengimarahkan masjid dan surau bagi menunaikan solat sunat tarawih secara berjemaah tanpa perlu penjarakan fizikal.

"Bagi memastikan SOP dan Garis Panduan (GP) masih terjaga, saya melancarkan program Duta Komuniti Keluarga Malaysia yang berkonsepkan kesukarelawan yang matlamatnya ialah membudayakan kawalan kendiri dalam kalangan komuniti sepanjang fasa peralihan ke endemik.

"Duta Komuniti akan ditempatkan di kawasan berisiko tinggi iaitu sesak dan tertutup. Mereka akan memastikan maklumat yang disampaikan kepada komuniti adalah tepat, terkini dan efektif dengan cara penyampaian yang bernada lembut, berhemah dan bersopan-santun apabila membuat teguran," katanya.